

## Kepentingan Peristiwa Pencetus Dalam Transformasi Perspektif Bekas Penagih Dadah

Normala Abu Hassan, Mohd Azhar Abd. Hamid\*

Jabatan Pembangunan Sumber Manusia, Fakulti Pengurusan, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 UTM Johor Bahru, Johor, Malaysia

\*Corresponding author: m-azhar@utm.my

### Abstract

This paper describes a preliminary analysis of the transformative perspective phenomenon of a former drug addict. The drug problem is the problem number one in Malaysia. The number of drug addicts is increasing tremendously every year. The government spent billions ringgit each year for the rehabilitation treatment for drug addicts. Drug problem is a global issues that needs to be curbed from its roots. Past studies on the transformation of former drug addicts perspective was not given attention by local scholar compare to the Western countries. Therefore, this study will explore the learning process of former drug addicts to return to a normal life. Trigger event is an important element in transformative learning. The process of transformative learning start from the triggering event. Therefore, this paper will focus on the role of a trigger event in helping to transform former drug addicts. This event will trigger the change of emotions, spiritual, physical, cognitive and also a change in perspective of former drug addicts and thus a change in behavior. The study found that trigger event is triggering personal reflection on the meaning scheme (meaning perspectives) of former drug addicts. Through it, people will throw negative meaning scheme which is an important element for the changes. This study used qualitative methods and selection of respondents is based on sampling purpose which it based on pre-defined criteria by researcher. Phenomenology and case studies are selected as design study in order to understand a phenomenon and the case study. The results show that individuals who suffering from trigger events are fully integrated in the transformation perspective process on drug addiction. Finally, this paper will conclude the important of trigger event towards transformative perspective among former drug users.

**Keywords:** Transformative learning; transformative perspective; trigger event; former drug addict

### Abstrak

Kertas kerja ini memerihalkan analisis awal fenomena transformasi perspektif seorang bekas penagih dadah. Dadah masih merupakan masalah nombor satu di Malaysia. Bilangan penagih dadah setiap tahun makin meningkat tanpa ada pengurangan. Kerajaan telah membelanjakan berbilion ringgit setiap tahun untuk rawatan pemulihan penagih dadah. Masalah dadah merupakan masalah sangat yang perlu dibendung dari akar umbinya. Kajian lepas mengenai transformasi perspektif bekas penagih dadah kurang diberi perhatian berbanding di negara Barat. Oleh itu, kajian ini akan meneroka proses pembelajaran yang berlaku terhadap bekas penagih dadah dengan tujuan untuk kembali kepada kehidupan yang normal. Peristiwa pencetus merupakan elemen penting dalam pembelajaran transformatif. Proses pembelajaran transformatif bermula daripada peristiwa pencetus. Justeru itu, kajian ini menfokuskan tentang peranan peristiwa pencetus dalam membantu transformasi bekas penagih dadah. Melalui peristiwa pencetus ini akan berlakunya perubahan emosi, spiritual, kognitif dan fizikal bekas penagih dadah yang menyebabkan mereka membuat keputusan untuk membuat perubahan perspektif dan sekali gus perubahan tingkah laku. Kajian mendapat peristiwa pencetus juga mencetuskan refleksi kendiri terhadap skema makna (perspektif makna) yang lama. Melaluiinya, individu membuat skema makna yang negatif sebagai elemen penting untuk melakukan perubahan yang konsisten. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif sepenuhnya. Pemilihan responden dilakukan berdasarkan kepada persampelan bertujuan yang mana ia berdasarkan kepada kriteria yang telah ditetapkan. Kajian kes dan fenomenologi dipilih sebagai rekabentuk kajian dengan tujuan untuk memahami sesuatu fenomena dan kes di tempat kajian. Hasil kajian menunjukkan bahawa individu mengalami peristiwa pencetus yang bersifat integrasi dalam proses transformasi perspektif terhadap ketagihan dadah. Kajian menyimpulkan kepentingan perisa pencetus terhadap tranformasi perspektif dalam bekas penagih dadah.

**Kata kunci:** Pembelajaran transformatif; transformatif perspektif; peristiwa pencetus; bekas penagih dadah

© 2017 Penerbit UTM Press. All rights reserved

### ■1.0 PENGENALAN

Pembelajaran transformatif melibatkan pemikiran yang rasional dan logik (Mezirow, 1978, 1991, 2000). Individu menyedari bahawa andaian mempengaruhi peranan, peraturan dan persetujuan yang akan menentukan bagaimana cara individu berfikir, bertindak, berasa dan melihat. Pembelajaran berlaku apabila individu mencari perspektif alternatif dan mula mempersoalkan sesuatu yang sebelumnya terdapat dalam habit minda (*habits mind*) (Mohd Azhar, 2012). Beliau turut menegaskan bahawa perubahan diri seseorang memerlukan ilmu dan maklumat dan diperolehi menerusi proses pembelajaran yang berterusan. Pembelajaran transformatif juga dikaitkan dengan pembangunan orang dewasa (Mezirow, 1978, 1981 dan 1991; Taylor, 1998, 2007, 2009). Mezirow (1981) menyatakan pembelajaran transformatif berakar daripada falsafah konstruktivisme dalam pembelajaran dewasa yang mana pengetahuan bukan berada di luar diri individu tetapi dibina melalui tafsiran dan pentafsiran semula melalui pengalaman baru. Menurut Mohd Azhar (2012) lagi, transformasi perspektif

merupakan manifestasi penghasilan makna yang diperolehi melalui proses menyoal, memilih dan mengubah pengalaman hidup tentang diri sendiri, kepercayaan dan sistem nilai serta sosial yang didiami.

### **Gejala Penyalangunaan Dadah**

Penyalangunaan dadah pada masa kini amat berluasa yang melibatkan pelbagai golongan ternasuk remaja, dewasa dan orang tua. Betapa kroniknya penyalangunaan dadah, bahkan segelintir daripadanya melibatkan kanak-kanak (Jamaludin, 2007). Penyalangunaan dadah menular dengan begitu cepat tanpa mengira, bangsa, agama umur, taraf pendidikan, pekerjaan dan fahaman ideologi. Ironinya, dadah boleh diibaratkan sebagai penyakit degil yang sukar diubati. Terdapat pelbagai jenis dadah yang ada di pasaran dan cara penjualan dadah amat sukar dibendung oleh pihak berkuasa. Masalah penagihan dadah ini semakin membimbangkan kerana bilangan kes penagihan semakin meningkat setiap tahun dan ini termasuk penagih dadah yang *relapse* (Zall Keppli, 2009; Fauziah *et al.*, 2009; Scorzelli, 2007; Wan Salmi, 2012).

Fenomena ini menambahkan kerisauan dan kebimbangan pada semua pihak khususnya ibubapa. Penagihan dadah boleh mendatangkan kemudaratan dan masalah kepada sesiapa yang mengambilnya dari segi aspek fizikal, mental, emosi dan spiritual (Lasimon, 2007; Rokiah, 2010; Mohamad Johdi, 2012; Fauziah, 2014). Paling kritikal, dadah boleh membawa maut kepada penagih tegar yang bergantung hidup dengannya dan menggunakan secara berlebihan (Jamaluddin, 2007). Pengambilan dadah secara berterusan boleh mendatangkan banyak kesan buruk antaranya pada kesihatan diri, boleh membawa kepada pergolakan rumahtangga, negara dan masyarakat. Apabila individu terlibat dengan penagihan dadah secara tidak langsung mereka akan melakukan jenayah seperti mencuri, meragut dan sebagainya (Rokiah, 2010 & Mohamad Johdi, 2012) dengan tujuan untuk mendapatkan wang untuk membeli dadah. Penagihan dadah ini amat sukar diatasi dan boleh mengakibatkan individu hilang pertimbangan dalam kehidupan, akal dan pedoman. Pelbagai pendekatan dan polisi telah dijalankan dalam usaha mengurangi penyealahgunaan dadah, namun kesannya amat sedikit berbanding pelaburan yang telah diusahakan. Justeru, kejayaan kecil dalam kalangan bekas penagih dadah membebaskan diri daripada ketagihan dan membuang tabiat pengambilan dadah perlu difahami menerusi suatu kajian yang komprehensif.

## **■2.0 SOROTAN LITERATUR**

Peristiwa pencetus merupakan pemula terjadinya transformasi perspektif dalam kehidupan individu yang melibatkan emosi, fizikal (Mohd Azhar, 2012), kognitif (Mohd Azhar, 2012) dan spiritual (Mezirow, 1978, 1991; Taylor, 2000; Tisdell, 2003; Cranton, 2006; Mohd Azhar, 2012). Apabila terjadinya suatu krisis yang besar dalam kehidupan individu, maka individu akan menilai semula realiti hidupnya yang telah lalu, sedang dan akan datang (Mezirow, 1991; Imel, 1998; Taylor, 2000) dan peristiwa yang hadir dalam diri individu bukanlah dirancang oleh individu (Grabove, 1997) dan dalam perspektif Islam ia merupakan sebahagian daripada Qada' dan Qadar Allah (Mohd Azhar, 2012). Kepercayaan, sikap dan reaksi emosi berlaku setiap hari terhadap individu menerusi skema makna (Mezirow, 1991). Transformasi perspektif merupakan satu proses bagaimana andaian-andaan lama boleh menghalang cara kita melihat, memahami dan merasa tentang dunia sebenar kita. Akhirnya individu akan membuat pilihan samada untuk melakukan perubahan ataupun sebaliknya dan ia berlaku menerusi perubahan struktur makna (Mezirow, 1991).

Proses pembelajaran transformatif bermula daripada peristiwa pencetus dan merupakan elemen terpenting dalam pembelajaran transformatif. Peristiwa pencetus boleh berlaku menerusi pelbagai cara seperti menerusi kemalangan kritikal, kematian orang yang disayangi, diberhentikan kerja, sakit kritikal, perbincangan, buku, sajak atau lukisan (Mezirow, 1991). Peristiwa pencetus juga dikatakan sebagai peristiwa yang benar dan memberi pendedahan kepada individu yang menganggap tentang apa yang mereka alami menerusi pengalaman kederiaan dan pembacaan (Cranton, 2006). Apabila terjadinya peristiwa pencetus yang mengelirukan dalam kehidupan individu, ianya tidak dapat diselesaikan dengan cara biasa atau hanya dengan belajar lebih lanjut mengenai mereka atau belajar untuk menangani secara berkesan (Mezirow, 1978). Isu-isu ini hanya dapat diselesaikan menerusi pembelajaran transformatif. Oleh itu, proses pembelajaran transformatif bermula dengan peristiwa pencetus apabila sesuatu peristiwa tidak dapat diselesaikan melalui penyelesaian biasa (Merriam & Caffarella, 1999). Peristiwa pencetus boleh berlaku melalui dua cara iaitu secara mengejut atau serta merta (*single event*) dan peristiwa terintegrasi (*integrating circumstances*) (Mezirow, 1978, 1991, 2000; Taylor, 1998; Clark, 1993; Cranton, 2006).

Berdasarkan kajian-kajian lepas dalam konteks penagihan dadah, para pengkaji kurang memberi fokus terhadap proses pembelajaran apatah lagi yang berkait dengan pembelajaran transformatif sebaliknya lebih memberi tumpuan terhadap isu-isu selain daripada pembelajaran transformatif seperti penagihan semula (*relapse*) (Zall Keppli, 2009; Fauziah *et al.*, 2009; Scorzelli, 2007; Wan Salmi, 2012), rawatan pemulihan secara kerohanian dan spiritual (Sabir & Fadzli, 2014; Dara Aisyah *et al.*, 2013; Ruhani, 2013; Mohamad Johdi, 2012; Fauziah dan Bahaman, 2011; Fadzli *et al.*, 2012; Fauziah *et al.*, 2011; Murnizam *et al.*, 2011; Rokiah, 2010; Mohd Azlan dan Mahmood Nazar, 2009; Mahmood Nazar *et al.*, 2009; Mohd Rafidi, 2008; Najwa *et al.*, 2008; Abdul Rani, 2007; Ahmad Shukri *et al.*, 2004), penguatkuasaan undang-undang (Azman, 2011; Samihah *et al.*, 2011; Azman & Mohd Al-Ikhsan, 2010; Rusniah *et al.*, 2009; Abdul Halim *et al.*, 2009; Athimulan, 2007), rawatan pemulihan psikologi digunakan untuk meneroka gaya hidup penagih dadah semasa di pusat pemulihan (Lily & Ooi, 2004; Zulkhairi & Mahmood Nazar, 2007; Huzili *et al.*, 2007; Tan *et al.*, 2007; Abdul Halim *et al.*, 2011; Muhammad Yusuf, 2008; Puteri Hayati & Mohammad Azhar, 2011) dan dadah gantian iaitu *methadone* digunakan untuk merawat ketagihan dadah (Sangeeth *et al.*, 2009; Siti Hajar *et al.*, 2009; Mahmood Nazar & Muhamad Dzahir, 2007). Oleh itu dalam artikel ini, pengkaji akan meneroka bagaimana proses pembelajaran transformatif membantu bekas penagih dadah melakukan transformasi perspektif dan keluar dari permasalahan dadah seterusnya menjalani kehidupan yang normal.

Dalam konteks pembelajaran transformatif di negara Barat pula terdapat beberapa kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji lepas berkaitan dengan ketagihan dadah. Antaranya kajian oleh Bolduc (2000) yang mendapati hampir kesemua responden mengalami transformasi semasa terlibat dengan program pemulihan dadah. Peirera (2008) menjalankan kajian terhadap lapan orang wanita yang pulih dari dadah dan alkohol mengalami pengalaman spiritual semasa menjalani latihan pemulihan. Ventresca (2012) menyatakan bekas penagih wanita yang menagih kokain mendapat ketenangan dan kedamaian selepas pulih daripada menagih kokain. Secara kesimpulannya

pembelajaran transformatif dalam konteks di Malaysia amat kurang diberi perhatian khususnya di Malaysia. Apatah lagi, disiplin pembelajaran transformatif masih dianggap baru di Malaysia (Mazalan, 2002; Mohd Azhar, 2012).

### ■3.0 METODOLOGI KAJIAN

Kaedah kualitatif digunakan dalam kajian ini dan ia berbentuk naratif. Kajian ini menggunakan rekabentuk fenomenologi dan kajian kes (Creswell, 2013; Silverman, 2013; Yin, 2011 & 2014; Merriam, 2009). Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti kepentingan peristiwa pencetus yang berlaku terhadap bekas penagih dadah yang menyebabkan mereka melakukan transformasi perspektif (TP). Kajian kes ini dijalankan di *Cure and Care Service Centre (CCSC)*, Taman Medan, Petaling Jaya. Responden kajian telah dipilih berdasarkan kepada keadaan persampelan bertujuan (*purposively sampling*) (Creswell, 2013; Othman, 2012; Sabitha, 2005; Babbie, 2002; Patton 2002) yang merujuk kepada satu kumpulan yang mempunyai kriteria atau ciri-ciri yang dikehendaki oleh pengkaji. Dua orang responden lelaki (bekas penagih dadah tegar) telah dipilih untuk kajian ini yang berumur antara 20 hingga 40 tahun dan mereka merupakan penghuni asrama di CCSC. Bagi tujuan analisis data pengkaji menggunakan kaedah *Constant Comparative Method* (CCM). Ianya dimulakan dengan i) mengumpulkan data ii) mencari isu atau peristiwa yang berulang iii) proses melabel data iv) membina tema dan sub tema v) menghuraikan secara bertulis (Glasser & Strauss, 1967; Merriam, 1998; Miler & Huberman, 1994). Dalam proses pengumpulan data pengkaji menggunakan triangulasi data seperti tembul separa berstruktur, nota lapangan dan pemerhatian. Pengumpulan data perlu dijalankan dengan kaedah triangulasi untuk meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan data yang diperolehi (Bryman, 2004).

Dalam menganalisis data, pengkaji telah menggunakan kaedah CCM data secara manual yang mana pada pandangan pengkaji tema-tema yang bakal digeneralisasikan tidak banyak kerana kajian ini hanya memberi tumpuan pada peristiwa pencetus sahaja dan hanya dua orang responden telah dipilih untuk kajian ini. Setelah temubual dijalankan, data tembul perlu di *transcribe verbatim* dari pita rakaman ke bentuk penulisan. Setelah data di *transcribe verbatim*, penyelidik akan mendengar dengan teliti data dari pita rakaman bagi tujuan data bertulis supaya data tersebut tepat. Daripada data bertulis tersebut, pengkaji akan mula membina tema-tema utama berdasarkan kepada elemen utama kajian dan kemudian membina sub-sub tema supaya ia selari dengan tujuan kajian.

### ■4.0 DAPATAN KAJIAN

Peristiwa pencetus merupakan titik permulaan untuk individu melakukan transformasi perspektif dalam kehidupan tetapi tidak semua bermula dengan peristiwa pencetus (Mezirow, 1975, 1978, 1991, 2000, 2009; Heitula, 2003; Fletcher 2003; Kung, 2007; Mohd Azhar, 2012). Berdasarkan kepada analisis temubual yang telah dijalankan oleh pengkaji didapati terdapat tiga tema wujud dalam transformasi perspektif bekas penagih dadah. Tema-tema yang wujud ialah (i) keinsafan (ii) keluarga (iii) kesedaran diri. Peristiwa pencetus merupakan proses awal apabila bekas penagih ingin melakukan transformasi dalam kehidupan mereka dan ia bukan terjadi dengan sekali sahaja tetapi berulang kali (*integrated circumstances*).

#### 4.1 Keinsafan

Melalui analisis temubual yang dijalankan oleh pengkaji mendapati bahawa responden berasa insaf apabila teringat kembali pengalaman mereka sebagai bekas penagih dadah. Responden tidak mempunyai kesedaran tentang bahaya najis dadah tetapi akibat inginkan keseronokan dan mendapatkan ketenangan responden sanggup mengambil dadah dengan beranggapan bahawa masalah akan hilang setelah mengambil dadah. Responden A menyatakan bahawa beliau mengambil dadah akibat tertekan dengan perasaannya dan hilang tempat pergantungan.

*“Saya mula terlibat dengan dadah masa umur 18 tahun....masa itu arwah mak saya meninggal...saya betul-betul rasa tertekan sangat-sangat...kira saya hilang tempat bergantung....kerana mak saya la tempat saya mendapat kasih sayang....selalu bagi nasihat....ingatkan saya mengenai perkara-perkara yang tidak baik....mak la tempat saya bermanja...segala-galanya emak saya la....tapi bila arwah mak saya meninggal saya memang hilang segala-galanya...hilang arah tujuan dalam hidup...dari situ yang saya kenal dadah dan ambil dadah sebab nak hilangkan tekanan dan tenangkan fikiran saya yang berserabut tue....”*

Bagi responden B tujuannya mengambil dadah hanya sekadar untuk mencuba sahaja tetapi lama-kelamaan responden ketagih dengan dadah dan seterusnya bergantung hidup pada dadah. Adakah responden mencuri dadah yang dijual oleh abangnya yang merupakan penjual dadah.

*“Saya dua beradik lelaki...arwah abang saya jual dadah....ada sekali tue saya pon cuba-cuba la ambil dadah nie...sebab nampak bila arwah abang dia macam rasa syok jer....saya pon cuba la serbuk putih tue...kira saya curi-curi ambil la....tapi abang saya tak tahu...bila ambil tue saya pon rasa syok....dari situlah mulanya saya ambil dadah....”*

Tetapi setelah sedar akan keburukan najis dadah kedua-dua responden bertekad untuk tidak mengambil dadah dan cuba untuk melakukan transformasi dalam kehidupan mereka iaitu bebas dari najis dadah akibat tidak sanggup mengingati kembali pengalaman lampau mereka sebagai penagih yang penuh cabaran dan dugaan.

Dalam pada masa yang sama, kedua-dua responden turut menyatakan bahawa mereka menyesal dengan kesilapan yang telah mereka lakukan dulu. Akibat daripada penyesalan itu telah membawa keinsafan yang mendalam dalam kehidupan mereka dan begitu terkesan dengan kesilapan yang telah mereka lakukan. Kesesalan itu menyebabkan kedua-dua responden berasa bersalah dengan keluarga. Kedua-dua responden bertekad untuk melakukan transformasi perspektif dalam kehidupan dan skema makna yang baru dalam kehidupan. Seperti yang diyatakan oleh responden A:

*"Peristiwa ini berlaku masa saya kena tahan dekat lokap...pegawai UKP tue tanya soalan yang benar-benar membuka mata saya....dia tanya saya...." Mak kau lahirkan kau untuk jadi penagih dadah ker"....masa itu saya memang betul-betul tersentap dengan apa yang pegawai tue cakap dekat saya....memang beri kesan betul dekat diri saya....saya rasa macam betul-betul tidak berguna langsung....walaupun arwah mak saya dah tak ada...tapi bila pegawai tue bercakap mengenai arwah mak memang saya terasa sangat-sangat....saya sedih sangat dan saya menangis masa tue....sebab saya memang rapat dengan arwah mak..."*

Akibat mengambil dadah, kedua-dua responden menyatakan bahawa mereka tidak mengamalkan suruhan Allah SWT tetapi melakukan larangan iaitu dengan mengambil dadah. Mereka tidak mempunyai perasaan takut apabila melakukan larangan Allah tetapi berbangga dengan apa yang mereka lakukan kerana bagi mereka dadahlah yang boleh memberi ketenangan dan kedamaian. Tetapi setelah sedar akan kesilapan mereka berasa takut dengan apa yang mereka lakukan selama ini. Sebelum ini mereka tidak kenal dimananya sejадah, Al-Quran, surau dan berpuasa sudah tentunya tidak dilakukan. Bagi mereka amalan yang dilakukan amatlah sedikit kerana masa mereka dahulu hanya dipenuhi dengan najis dadah. Responden B menceritakan kesesalannya:

*"...bila teringat arwah abang dan kawan meninggal sebab dadah...saya akan rasa takut....sebab tak nak jadi macam dorang....dosa saya banyak..."*

Tetapi kedua-dua responden berasa syukur kerana diberi oleh Allah SWT untuk memperbaiki segala kesilapan yang telah mereka lakukan. Kedua-dua responden menyatakan mereka berasa bersalah pada Allah SWT kerana tidak pernah melakukan solat, puasa dan sebagainya. Tetapi Allah masih memberi peluang kepada mereka untuk terus beramal denganNya.

#### 4.2 Keluarga

Analisis temubual mendapati tema keluarga merupakan elemen penting dalam usaha penagih untuk keluar dari permasalahan dadah kerana boleh memberi impak yang kuat terhadap transformasi mereka. Kedua-dua responden menyatakan apabila perkara yang melibatkan keluarga mereka akan begitu cepat tersentuh. Bagi responden A, dia merupakan anak tunggal dalam keluarga maka hubungan dengan mak responden sangat rapat dan tidak ada masalah dalam perhubungan walaupun ibubapanya telah bercerai.

*"Hubungan dengan keluarga semua ok....saya nie anak tunggal....ibubapa dah bercerai....jadi saya tinggal dengan ibu....bapa saya jual dadah...mungkin ibu saya tak tahan dengan bapa saya...tue sebab mereka bercerai....saya memang rapat dengan ibu saya....bagi saya ibu saya la segala-galanya....."*

Manakala responden B tidak mempunyai masalah dengan keluarga walaupun abangnya seorang penagih dan penjual dadah. Tetapi setelah terlibat dengan najis dadah hubungan keluarga renggang terutama dengan ayah dan adik beradik yang lain. Namun begitu, emak responden tetap menerima walaupun responden seorang penagih dadah dan memberi sokongan dan dorongan untuk berubah. Responden B begitu terkesan setelah abangnya meninggal kerana HIV/AIDS.

*"Tahun 2009....arwah abang saya meninggal kerana HIV/AIDS....akibat ambil dadah...masa dia dapat HIV/AIDS saya la yang uruskan dia....adik beradik lain tak nak tolong...bersihkan...lapkan...sebelum arwah abang meninggal dia dah pesan kat saya...berhenti ambil dadah nie..."*

Dari pada tema keluarga menunjukkan bahawa keluarga merupakan orang yang boleh memberi pengaruh yang kuat dalam kehidupan. Tanpa keluarga kehidupan tidak begitu bermakna kerana mereka boleh memberi sokongan dan dorongan yang amat berguna. Keluarga jugalah yang boleh mencetuskan perubahan dalam kehidupan individu.

#### 4.3 Kesedaran diri

Pengkaji mendapati tema kesedaran diri merupakan peristiwa terintegrasi yang berlaku terhadap kedua-dua responden. Kedua-dua responden pernah *relapse* beberapa kali tetapi ia tidak memberi kesan dan mereka masih tetap mengambil dadah. Tetapi setelah melakukan refleksi terhadap kehidupan lampau sebagai penagih dadah mereka nekad untuk melakukan transformasi dalam kehidupan. Mereka nekad untuk tinggalkan najis dadah kerana ianya sesuatu yang menyakitkan dalam kehidupan mereka. Dadah tidak boleh menyelesaikan masalah mereka tetapi ia boleh memberi beban dan tekanan yang sangat kuat. Kedua-dua responden menyatakan bahawa mereka perlu fikirkan masa depan mereka. Sampai bila mereka hendak bergantung dengan dadah sedangkan banyak peristiwa yang telah berlaku dihadapan mata mereka. Seolah-olah memberi peringatan untuk mereka menjauhi diri dari dadah. Responden B menyatakan:

*"....sebab boleh bantu dan beri peringatan pada saya...saya tak boleh leka dan kena senantiasa berhati-hati dan waspada dengan dadah nie....silap sikit...dadah la jalan penyelesaiannya..."*

Pengalaman lampau sebagai penagih dadah menyebabkan kedua-dua responden tidak toleh ke belakang untuk melakukan perubahan dalam diri mereka dan ia boleh memberi peringatan kepada mereka. Responden perlu nekad dengan apa yang dilakukan dan terus berjuang untuk menjauhi diri dari dadah. Seperti yang dinyatakan oleh responden A :

*"....saya dah letih dengan kehidupan dulu...saya berharap dapat meneruskan kehidupan seperti biasa ...bebas dari dadah..."*

Kedua-dua responden haruslah mengekalkan pemulihan mereka dari najis dadah kerana ian satu proses yang amat sukar tetapi jika mereka berusaha dan nekad untuk melakukan transformasi pasti mereka boleh berjaya. Bagaimanapun dalam masa yang sama mereka tidak boleh terlalu leka kerana risiko untuk mereka kembali menagambil dadah adalah tinggi.

Berdasarkan kepada analisis tembusan yang telah dijalankan mendapati bahawa kedua-dua responden mengalami transformasi perspektif dalam kehidupan mereka. Dapat dilihat bahawa emosi mereka benar-benar memberi kesan semasa mereka terlibat dalam najis dadah. Mereka mengalami tekanan perasaan apabila teringat kembali pengalaman lepas dan tidak mempunyai keyakinan untuk berhenti dari najis dadah. Bagi mereka dadahlah yang boleh membantu mereka untuk menyelesaikan masalah. Tetapi wujudnya keinsafan dalam diri untuk keluar dari permasalahan dadah. Responden juga mendapat petunjuk dan hidayah dari Allah untuk berubah walaupun mereka banyak kali jatuh bangun dengan najis dadah tetapi Allah masih menyayangi mereka.

## ■5.0 PERBINCANGAN

Peristiwa pencetus begitu penting kepada bekas penagih dadah dalam konteks pembelajaran transformatif kerana menerusinya individu perlu membuat pilihan samada ingin berubah ataupun sebaliknya, dan ia dilakukan melalui perubahan struktur makna (Mezirow, 1991). Peristiwa pencetus merupakan proses awal (Mohd Azhar, 2012) apabila penagih dadah ingin berubah dan kembali ke pangkal jalan. Menurut Mezirow (1978) apabila terjadinya peristiwa pencetus yang berlaku dalam kehidupan individu dan tidak boleh diselesaikan dengan cara yang biasa maka pembelajaran transformatif dapat berfungsi dengan baik. Dalam kajian ini, elemen pristiwa pencetus berlaku dalam kalangan responden pada *fasa pencarian*. Pada fasa ini responden melakukan refleksi terhadap pengalaman lepas sebagai penagih dadah dan mengimbau segala peristiwa pahit yang dilaluinya.

Melalui analisis tembusan yang dijalankan oleh pengkaji, terdapat tiga tema yang terbentuk yang berkait secara langsung dengan peristiwa pencetus iaitu (i) keinsafan (ii) keluarga dan (iii) kesedaran diri. Tema keinsafan dapat dilihat bahawa responden amat takut melalui kehidupan zaman mereka menagih dadah. Banyak peristiwa yang berlaku di depan mata mereka tetapi mereka tidak mengambil iktibar dan tidak terkesan langsung dengan peristiwa tersebut. Tetapi setelah melakukan refleksi kritis terhadap pengalaman lepas barulah hadirnya keinsafan dalam diri mereka dan perasaan menyesal timbul atas perbuatan dan tindakan mereka mengambil najis dadah. Ini selari dengan pandangan Mezirow (1978) yang menyatakan apabila terjadinya sesuatu peristiwa pencetus maka akan berlaku perubahan terhadap emosi, fizikal dan psikologikal dan akhirnya individu membuat keputusan untuk melakukan perubahan yang lebih positif demi masa depan. Dapatkan kajian ini disokong oleh Edminster (2005) dan Cox (2009) yang mendapati tema keinsafan memberi perubahan yang mendalam terhadap kehidupan individu. Dapat dilihat bahawa responden berasa dekat dengan Allah dan Allah juga merupakan pengerak kepada mereka untuk melakukan perubahan.

Tema keluarga merupakan tema yang paling memberi kesan kepada responden. Setelah terjadinya kematian dalam ahli keluarga akibat dadah barulah ia membuka mata responden untuk berubah. Ini menjelaskan bahawa keluarga merupakan orang yang paling penting dalam kehidupan responden. Bantuan dan sokongan keluarga amat diperlukan oleh responden dalam melakukan transformasi dan keluarga masih menerima mereka kembali walaupun mereka merupakan bekas penagih dadah. Kajian ini juga mendapati perhubungan dengan orang yang paling rapat adalah penting. Yeboah & James (2014) menyatakan pelajar mengalami perubahan akibat daripada bantuan dan sokongan guru dan rakan sekelas akibat perbezaan budaya. Salem (2005) dan Marmon (2007) menjelaskan akibat perbezaan budaya terjadinya peristiwa pencetus tetapi dengan sokongan dan perbincangan dengan rakan-rakan individu mengubah perspektif makna dalam kehidupan. Tema kesedaran diri juga menjadi elemen penting dalam peristiwa pencetus dalam melakukan transformasi perspektif terhadap ketagihan dadah. Dapat dilihat bahawa usaha untuk mengekalkan kepulihan amatlah payah berbanding dengan usaha untuk berhenti mengambil dadah. Ini kerana rakan-rakan responden akan senantiasa mempengaruhi mereka untuk mengambil dadah semula. Oleh itu, responden haruslah mempunyai semangat yang kuat dan kental serta nekad dengan perubahan yang dilakukan. Pengalaman lepas banyak memberi pengajaran kepada responden. Dapatkan kajian ini menyamai dengan pandangan Hoggan (2014) dan Coady (2013) yang mana apabila ditimpa penyakit individu mula mengalami krisis kehidupan. Namun dengan bantuan individu mula bangun dan sedar bahawa setiap yang berlaku dalam kehidupan ada dan cara selesaianya.

Berdasarkan kepada perbincangan tema-tema peristiwa pencetus mendapati responden mengalami peristiwa terintegrasi dalam melakukan transformasi terhadap ketagihan dadah. Ia terjadi secara berulang kali iaitu melebihi tiga kali semasa responden cuba keluar dari permasalahan dadah, dalam keadaan yang beransur-ansur yang mengambil masa setahun untuk membuat perubahan dan pelbagai cara. Secara tidak langsung ia boleh memberi kekuatan dan keyakinan kepada responden untuk melakukan proses TP. Pengalaman lepas sebagai bekas penagih dadah memberi kesan yang begitu mendalam kehidupan responden. Melalui refleksi responden akan memeriksa dan cuba untuk mengubah semula kerangka rujukan yang telah sebatik dalam diri responden. Responden fikirkan akan kehidupan pada masa depan dan mampukah mereka untuk berhadapan dengan cabaran tersebut.

## ■6.0 KESIMPULAN

Akhirnya dapat disimpulkan bahawa melalui peristiwa pencetus responden dapat merungkaikan permasalahan yang dihadapi dalam bergelut dengan ketagihan dadah dan ia penting dalam transformasi perspektif bekas penagih dadah. Selain itu, proses pembelajaran secara refleksi dan dialog juga mampu mengubah skema makna dan perspektif makna kepada orang dewasa khususnya dalam kalangan penagih dadah. Pembelajaran transformatif menjadikan seseorang individu itu berkeyakinan untuk melihat segala apa yang telah berlaku sebagai sebuah pengalaman yang berguna dan bermakna untuk dicontohi dan diteladani. Peristiwa pencetus juga sebagai eleman penting kepada bekas penagih dadah dalam melakukan perubahan secara holistik, berkekalan dan istiqamah. Perubahan yang berlaku lahir dari sifat dalaman (*inner*) bekas penagih dadah itu sendiri. Oleh itu, bekas penagih dadah perlu melakukan refleksi dengan mengubah skema makna terhadap ketagihan dadah.

## Rujukan

- Abdul Halim Mohd Hussin, Vanaja Subramaniam, Haslinda Hussein, Sarina Mohamed, Hafiz Yusoff dan Loh Chow Woei. (2009). Definisi Penagih dan Ketagihan Menurut Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 (Pindaan 1998) Dan Akta-Akta Lain Yang Berkaitan. Dalam *Jurnal AntiDadah Malaysia*. Jld. 6. No. 2.
- Abd. Halim Mohd Hussin, Asmawati Mohamad Ali dan Ahmad Khazani Abdul Wahab. (2011). Perbandingan Program Bimbingan Serta Terapi Penyalahgunaan Dadah di Malaysia dan Asia. Dalam *Jurnal Antidadah Malaysia*, 7(1), 1 – 14.
- Abdul Rani Kamarudin. (2007). Drug Dependants' Treatments and Rehabilitation. Dalam *Jurnal AntiDadah Malaysia*, 2(2), 193-226
- Ahmad Shukri Mohd Nain, Paimah Atoma & Rozeyta Omar (2004). Persepsi Penagih, IbuBapa dan Masyarakat Terhadap Dadah. Dalam Seminar Antarabangsa Nilai Dalam *Komuniti Pasca Modernisme (SIVIC 2004)*, Sintok, Universiti Utara Malaysia.
- Athimulan, M.M. (2007). History And Development Of The Laws Relating To Drugs. Dalam *Jurnal AntiDadah Malaysia*, 1(1), 119-130
- Azman Mohd Noor dan Mohd Al-Ikhwan Ghazali (2010). Penyalahgunaan Dadah Dan Kewajaran Peruntukan Hukuman Mati Ke Atas Pengedar Dadah Di Malaysia. Satu Analisis. *Jurnal Fiqh*, 7, 29 – 48.
- Azman Mohd Noor (2011). Penyalahgunaan Dadah Dan Kewajaran Peruntukan Hukuman Berat Ke Atas Penagih dan Pengedar Dadah Di Malaysia Menurut Perspektif Shariah. Dalam *Jurnal Antidadah Malaysia*, 8(2), 93 – 121.
- Babbie, E. (2002). *The basics of social research*. Belmont, CA: Wadsworth Publishing.
- Bryman, A. (2004). *Social Research Methods*. New York: Oxford University Press, Inc.
- Clark, M.C (1993). Transformational Learning. Dalam S.B Merriam ( Ed.), *New Directions for Adult and Continuing Education: an Update on Adult Learning Theory*. 57. San Francisco: Jossey-Bass.
- Coady, M. (2013). Adult Health Learning and Transformation: A Case Study of a Canadian Community-Based Program. Dalam *Adult Education Quarterly*, 63(4), 321-33.
- Cox, R.D (2009). *Evolution of the Soul: The Transformative of Connection Between Cultural Consciousness, Spirituality, and Self-empowerment for African-American Community College Adult Learners*. Unpublished Ph.D Dissertation. The University of North Carolina. UMI Digital Proquest Dissertations. <http://wwwlib.umi.com/dissertations/fullcit/3368778>.
- Cranton, P. (2006). *Understanding and Promoting Transformative Learning: A Guide for Educators Adults (2nd. Edition)*. San Francisco: Jossey Bass.
- Creswell, J.W (2013). *Research Design: Qualitative, Quantitative and Mixed Approaches (4th edition)*. Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- Dara Aisyah bt. H. M. Ali Puteh. (2013). Drug Addict Treatment And Rehabilitation Programme at Pondok Inabah Kuala Terengganu, Terengganu, Malaysia (1998- 2011). *British Journal of Social Sciences*, 1(5), 37-46.
- Edmiston, M. D. (2005). *Learning To Change: Identifying Elements of Transformation in Formerly Abusive Men*. Unpublished Ph.D Dissertation. The Pennsylvania State University.UMIDigitalProquestDissertations.<http://wwwlib.umi.com/dissertations/3173788>.
- Fauziah Ibrahim, Bahaman Abu Samah, Mansor Abu Talib & Mod Shatar Sabran. (2009). Faktor Menyumbang Kepada Penagihan Relapse Dadah Dalam Kalangan Penagih Dadah PUSPEN di Semanjung. Dalam *Jurnal Antidadah Malaysia*, 5(1), 1-17
- Fauziah Ibrahim, Bahaman Abu Samah & Mansor Abu. (2011). Persepsi Penghuni PUSPEN Terhadap Program Pemulihan Penagihan Narkotik Di Malaysia. Dalam *Jurnal Antidadah Malaysia*, 8(2): 159-177.
- Fauziah Ibrahim, Arifin Zainal, Zainah Ahmad Zamani, Lukman Zawawi Mohamad, Roseliza Murni, Wan Shahrazah Wan Sulaiman & Siti Fatihah Ghazali (2011). Kesediaan Untuk Berubah Sebagai Peramal Kejayaan Rawatan Pemulihan. Dalam *Jurnal Antidadah Malaysia*, 7(1), 38 – 53.
- Fauziah Ibrahim, Ezarina Zakaria, Salina Nen, Norulhuda Sarnon & Nor Jana Saim (2014). Pengguna Dadah Wanita di Malaysia: Pengalaman Penagihan dan Hubungan Kekeluargaan. *Jurnal Teknologi (Social Sciences)*, 67(1), 17- 25.
- Fletcher, A. E. (2003). *A Transformative Journey: Adult Participants' Experiences Engaged on a Foreign Community Service Project*. Unpublished Ph.D Dissertation. University of Missouri. UMI Digital Proquest Dissertations. <http://wwwlib.umi.com/dissertations/fullcit/.3081314>.
- Glaser, B., & Strauss, A. (1967). *The Discovery Of Grounded Theory: Strategies for qualitative research*. Chicago: Aldine.
- Grabove, V. (1997). The Many Facets of Transformative Learning Theory and Practice. Dalam *New Directions for Adult and continuing Education*. No. 74, Summer. Jossey-Bass Publishers, 88-96.
- Haji Jamaludin Haji Ahmad. (2007). *Modul & Kaunseling Penyalahgunaan Dadah*. Serdang. Penerbit UPM.
- Hietula, D.A (2003). *Transformative Learning at L'ABRI*. Unpublished Ph.D Dissertation. The Union Institute and University. UMI Digital Proquest Dissertations. <http://wwwlib.umi.com/dissertations/fullcit/3077790>
- Hoggan, C. (2014). Transformative Learning Through Conceptual Metaphors Simile, Metaphor, and Analogy as Levers for Learning. *Adult Learning*, 25(4), 134-141.
- Huzili Hussin, Irma Ahmad & Mohamad Hashim Othman. (2007). Cyber Counseling for Addiction and Drug Related Problems. *Jurnal Antidadah Malaysia*, 2(2), 173-192
- Imel, S. (1998). *Transformative Learning in Adulthood*. ERIC Digest. No. 200.
- Kung, H. C. (2007). *Dancing on The edges: International Students' Transformative Journey in the United States of America*. Unpublished Ph.D Dissertation. Oklahoma University.UMIDigitalProquestDissertations.<http://wwwlib.umi.com/dissertations/fillicit/3271223>.
- Lasimon Matokrem. (2007). Intervensi dan Peranan Kaunselor untuk Menjana Kepulihan Klien Sepanjang Hayat. *Jurnal Antidadah Malaysia*, 1(1), 97-118
- Lily Mastura Harun & Ooi Boon Keat. (2004). Penerokaan Gaya Hidup Penagih Dadah: Perspektif Teori Psikologi Individu. *Pertanika Journal Social Sciences & Humanities*, 12(2): 111-120.
- Miles, M. B., & Huberman, A. M. (1994). *Qualitative Data Analysis: A Sourcebook of New Methods. 2nd Edition*. New York: Thousand Oaks, Sage.
- Merriam, S. B. (1998). *Qualitative Research and Case Study Applications in Education*. Athens, Georgia: The Jossey-Bass.
- Merriam S. B. & Caffarella, R. S. (1999). *Learning in Adulthood: A Comprehensive Guide*. San Francisco: The Jossey-Bass.
- Merriam S. B. (2009). *Qualitative Research: A guide to Design and Implementation (3rd Edition)*. San Francisco: The Jossey-Bass.
- Mezirow, J. (1978). Perspective Transformation. *Adult Education*, 2 (2), 100-110.
- Mezirow, J. (1981). A critical theory of adult learning and education. *Adult Education Quarterly*. 32(3), 3-24.
- Mezirow, J. (1991). *Transformative Learning of Adult Learning*. San Francisco: Jossey-Bass.
- Mezirow, J. (2000). *Learning as Transformation*. San Francisco: Jossey-Bass.
- Mahmood Nazar dan Muhamad Dzahir Kasa (2007). Drug Substitution Therapy: Success And Limitations Of The Methadone And Burprenorphine Maintenance Program. *Jurnal Antidadah Malaysia*, 2(2).
- Mahmood Nazar Mohamed, Maizurah Zakaria & Salleh Ghani. (2009). Keberkesanan Modul Model Matrix Untuk Pemulihan Penagih Dadah Dalam Setting Komuniti: Laporan Kajian Perintis di AADK Muar, Kota Bharu dan Kota Kinabalu. *Jurnal Antidadah Malaysia*, 6(2), 1-16
- Marmon, E. L. (2007). *Transformative Learning in Local, Cross-Cultural Situations: Surprising Dilemmas, Reflections, and Stories (Order No. 3263684)*. Available from ProQuest Dissertations & Theses Global. (304835752). Retrieved from <https://vpn.utm.my/docview/304835752?accountid=41678>
- Mohamad Johdi Salleh. (2012). Permasalahan Penagihan Dadah: Tinjauan di Pusat Serenti Selangor Dalam *International Seminar on Community Development*. Fakulti Pembangunan Sosial, Universiti Malaysia Terengganu. 7 -9 April 2012.
- Mohd Azhar Abd Hamid. (2012). *Pengalaman Transformasi Perspektif Individu Cina Muslim Terhadap Agama Islam Di Johor Bharu*. Unpublished Ph.D Dissertation. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Azlan Mohd Nor & Mahmood Nazar Mohamed. (2009). Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Kecenderungan Bekerja Penghuni Pusat Serenti. *Jurnal Antidadah Malaysia*, 5(1), 1-29
- Mohd Rafidi. (2008). Rancangan Pemulihan Klien: Asas dan Aplikasi Untuk Profesional Pemulihan. *Jurnal Antidadah Malaysia*, (3) & (4), 57-73
- Muhammad Yusuf Khalid. (2008). Psycho-Spiritual Therapy Approach For Drug Addiction Rehabilitation. *Jurnal Antidadah Malaysia*, (3) & (4), 143-151
- Najwa Mohd Rus, Sabitha Marican dan Mahmood Nazar Mohamed (2008). Motivasi Untuk Berubah Di Kalangan Wanita Yang Bergantung Kepada Dadah Yang Sedang Menjalani Rawatan dan Pemulihan Dalam Institusi. *Jurnal Antidadah Malaysia*, (3) & (4), 235-277

- Othman Lebar. (2012). *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan Kepada Teori dan Method*. Tanjung Malim: UPSI.
- Patton, M. Q. (2002). *Qualitative Research & Evaluation Methods (3rd edition)*. Thousand Oaks, CA: Sage Publications
- Puteri Hayati Megat Ahmad dan Mohammad Azhar Mohd Nor (2011). Kaunseling Individu: Strategi Adaptasi Motivational Interviewing, Ami Untuk Pelatih PUSPEN. *Jurnal Antidadah Malaysia*. 7(1), 54-83.
- Rokiah Ismail. (2010). Pemerksaan Pengguna Dadah Dalam Institusi Pemulihan di Malaysia: Ke arah Menjamin Kesejahteraan Individu dan Masyarakat. Dalam *Malaysian Journal of Society and Space*, 6(1), 31-49.
- Ruhani Mat Min. (2013). Rumah Komuniti: Program Pemulihan Penagih Separa Pulih. *Jurnal Kemanusiaan*, Bil. 21 Jun/Disember 2013.
- Rusniah Ahmad, Samihah Khalil, Siti Alida John Abdullah, Aspalela Abd Rahman, Yusramizza Md Isa, Nasryran Azrae & Rood Niza Mohd Shariff. (2009). Undang-Undang Rawatan dan Pemulihan Dari Sudut Pandangan Global: Suatu Perbandingan. *Jurnal Antidadah Malaysia*. 6(2).
- Sabir Abdul Ghani, Fadzli Adam & Muhammad Rashidi Wahab. (2014). Penilaian Penyalahgunaan Dadah Menurut Fatwa Ulama Dari Perspektif Islam. *Journal of Business and Social Development*. 2(1), 57-62.
- Sabitha Marican. (2005). *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial. Edisi Pertama*. Petaling Jaya: Prentice Hall Pearson Malaysia.
- Salem Ali. (2005). *The Impact of The Internet on Saudi Arabia EFL Females Self-Image And Social Attitudes*. Unpublished Ph.D Dissertation Indiana University of Pennsylvania. University of NewOrlens. UMIDigitalProquestDissertations. <http://wwwlib.umi.com/dissertations/3212702>.
- Sangeeth Kaur, Hafidah Mohd & Mahmood Nazar Mohamed.(2009). Projek Perintis Program Rawatan Terapi Gantian (RTG) Menggunakan Methadone Di Pusat Khidmat AADK. *Jurnal Antidadah Malaysia*, 5(1).
- Samihah Khalil, Rusniah Ahmad, Siti Alida John Abdullah, Yusramizza Yusuff, Aspalella Abdul Rahman, Ahmad Nasryran Azrae & Roos Niza Mohd Shariff (2011). Undang-Undang Penagih Dadah 1983 (Rawatan dan Pemulihan) (Pindaan) 1998: Analisa Terma ‘Penagih’ dan ‘Ketagihan’. *Jurnal Antidadah Malaysia*. 7(1), 15-37.
- Scorzelli, J. F. (2007). Relapse Prevention. *Jurnal Antidadah Malaysia*, 2(2). Agensi Antidadah Malaysia dan Kementerian Keselamatan Dalam Negeri, Putrajaya.
- Siti Hajar Abd Aziz, Noor Mayudia Mohd Mothar & Sharil Anuar Abdul Halim. (2009). Newspaper Coverage on Methadone Maintenance Therapy (MMT). Berita Harian dan Harian Metro. Dalam *Jurnal Antidadah Malaysia*. 6(2).
- Tan Soo Yin, Sabri Zainuddin & Sharon Yam Lee Hong. (2007). Dimensi Psikologikal Dan Gaya Menghadapi Masalah Di Kalangan Penghuni-Penghuni Pusat Pemulihan Dadah. *Jurnal Antidadah Malaysia*. 1(1). 81-96
- Taylor, E. W. (1998). *Transformative Learning: A Critical Review*. ERIC Clearing House on Adult, Career and Vocational Education (Information Series No. 374).
- Taylor, E. W. (2000). Analyzing on Transformative Learning Theory. Dalam Mezirow, J et al. (eds.). *Learning as Transformation: Critical Perspectives on a theory in progress*. San Francisco: Jossey Bass, 285-328.
- Taylor, E. W. (2007). *An Update of Transformative Learning Theory: A Critical Review of The Empirical Research (1999-2005)*. *International Journal of Lifelong Learning*, 26(2), 173-191.
- Taylor, E. W. (2009). *Fostering Transformative Learning*. Dalam Mezirow, J. dan Taylor, E.W. *Transformative Learning in Practice: Insights From Community, Workplace and Higher Education*. New York: Jossey-Bass.
- Tisdell, E. J. (2003). *Exploring Spirituality and Culture in Adult and Higher Education*. San Francisco: Jossey-Bass.
- Wan Salmi Wan Ramli. (2012). *Pengaruh Psikososial Dan Tahap Pengetahuan Bahaya Dadah Terhadap Penagihan Semula Dalam Kalangan Banduan Penagih Dadah Di Malaysia*. Unpublished Master Dissertation. Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- Yeboah, A. L & James, W. (2014). Transformative Learning Experiences of International Graduate Students From Asian Countries. *Journal of Transformative Education*, 12(1), 25-53.
- Yin R. K (2011). *Qualitative Research from Start to Finish (1<sup>st</sup> edition)*. Thousand Oaks, CA: Sage Publication
- Yin R. K (2014). *Case Study Research: Design and Methods (Applied Social Research Methods) (5<sup>th</sup> edition)*. Thousand Oaks, CA: Sage Publication
- Zall Kepli Md Rejab (2009). Pulih dalam Terapi Keluarga bagi Mengakang Relapse. *Jurnal Antidadah Malaysia*, 5(1). Agensi Antidadah Malaysia dan Kementerian Keselamatan Dalam Negeri, Putrajaya.
- Zulkhairi Ahmad & Mahmood Nazar Mohamed. (2007). Keberkesanan Program Kaunseling Rawatan dan Pemulihan Dadah Dari Perspektif Penghuni Pusat Serenti. *Jurnal Antidadah Malaysia*, 2(2). 13-28